

Ubah persepsi masyarakat terhadap OKU

TAKRIFAN 'orang kurang upaya' (OKU) di Malaysia mungkin antara punca masyarakat kerap memberi gambaran dan pandangan kurang menyenangkan kepada golongan ini. OKU digambarkan amat membebankan dan menyusahkan masyarakat kerana memerlukan pelbagai bantuan dan sokongan untuk meneruskan hidup.

Stigma masyarakat sebegini haruslah kita hindarkan kerana golongan OKU merupakan salah satu ujian untuk masyarakat dalam mendepani dan membantu mereka menghadapi cabaran hidup. Kehidupan OKU yang serba mencabar memberi mereka semangat dalam menghadapi liku-liku perjalanan hidup seperti mencari rezeki, pelajaran, perubatan dan sebagainya. Tidak dinafikan juga ada sesetengah OKU yang tidak dapat menerima cabaran tersebut dan

akhirnya kecundang dalam dugaan hidup.

Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah mewujudkan satu sektor Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) di setiap negeri untuk menggalakkan sikap prihatin, berdikari dan rasa tanggungjawab masyarakat tempatan dalam program pemulihan OKU. Tambahan pula, PDK menyediakan peluang untuk golongan OKU membangunkan kebolehan masing-masing mengikut potensi yang ada pada diri mereka. Di samping itu juga, secara tidak langsung ia mewujudkan suasana penyayang dan harmoni di antara masyarakat sekeliling dan golongan OKU.

Selain itu, keluarga golongan OKU dan masyarakat disarankan untuk sentiasa memberi kata semangat dan menyokong segala usaha baik yang dilakukan oleh OKU tersebut kerana ia amat membantu dalam proses pemulihan warga OKU. Ibu

bapa boleh mendapatkan pengetahuan yang lebih terperinci mengenai cara mendidik kanak-kanak istimewa ini. Melalui program seperti ini juga dapat meningkatkan kesedaran ibu bapa dan masyarakat bahawa golongan OKU turut mempunyai kebolehan tersendiri sekiranya mereka diberi peluang dan juga bimbingan dari pakar.

Sehubungan dengan itu, PDK merupakan medium yang baik untuk masyarakat mengenali warga OKU dengan lebih dekat serta dapat bersama melibatkan diri dalam usaha pemulihan kanak-kanak istimewa ini. Dalam kempen membina masyarakat penyayang, kita seharusnya mengambil peluang membantu dan memudahkan urusan golongan OKU tersebut dalam menjalani kehidupan seharian.

Tambahan pula, perspektif negatif

masyarakat yang beranggapan bahawa golongan OKU adalah bebanan semata-mata perlu dilupakan kerana mereka juga layak menerima layanan yang sama seperti masyarakat lain.

OKU adalah sebahagian daripada masyarakat kita. Sebagaimana mereka merupakan ujian ALLAH kepada orang tua dan keluarga mereka, mereka juga adalah ujian untuk kita. Semangat dan bantuan tenaga masyarakat amat diharapkan agar golongan OKU tidak lagi ditindas dan dihina segelintir masyarakat serta memberi peluang kepada mereka untuk berdikari dalam kehidupan seharian.

Kiriman:
Nur Atiqah Mohamad Yusob
Fakulti Pengajian Bahasa Utama
Universiti Sains Islam Malaysia
(Usim)